

Headline **Program jarum suntikan percuma tak capai sasaran**  
Date **22 Oct 2009**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
ADValue  
PRValue

**Malay**  
**10**  
**64 cm<sup>2</sup>**  
**Black/white**  
**873**  
**2,618**



## **Program jarum suntikan percuma tak capai sasaran**

**P**ROGRAM pemberian jarum suntikan dan kondom percuma serta penggunaan metadon kepada penagih dadah tidak mencapai sasaran berikutan kekurangan anggota kesihatan serta perolehan ubat metadon yang tidak dibuat dengan teratur.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata hanya 7,065 bilangan penagih mendapatkan rawatan metadon tahun lalu berbanding sasaran 10,000 manakala 464 penagih menggunakan program pertukaran jarum.

Kemudahan asas seperti bilik kaunseling, bilik menunggu, bilik pemeriksaan darah tidak mencukupi menyebabkan bilangan penagih yang diambil untuk rawatan terpaksa dihadkan.

“Berdasarkan kepada maklum balas daripada penagih yang menyertai aktiviti pertukaran jarum, mereka mempunyai kesedaran mengenai risiko jangkitan HIV melalui perkongsian jarum, namun, aktiviti ini boleh dipertingkatkan melalui peluasan kawasan liputan, di samping kerjasama dengan pihak polis dan penduduk setempat,” katanya.